

# Najib tandatangan tukar nama TIA

**Pertukaran syarikat kepada 1MDB dilakukan 25 September 2009**

Oleh Ahmad Johari Mohd Ali, Siti Nurazlinee Azmi dan Farah Marshita Abdul Patah  
bhnews@bharian.com.my

**Kuala Lumpur:** Datuk Seri Najib Razak menandatangani beberapa dokumen yang menyebabkan Lembaga Pelaburan Terengganu atau (TIA) ditukar nama kepada 1Malaysia Development Berhad (1MDB).

Penolong Pendaftar Syarikat Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), Rafidah Yahaya, 48, dalam keterangan semalam, berkata demikian ketika dirujuk borang 52 Akta Syarikat 1965 yang mengandungi maklumat berhubung pertukaran nama itu.

Mengikut dokumen berkenaan, Najib menandatangani resolusi yang diluluskan pada Mesyuarat Agung Luar Biasa TIA pada 4 September 2009 bagi pertukaran

nama syarikat terbabit.

Beliau berkata demikian ketika pemeriksaan utama oleh Timbalan Pendakwa Raya Mohamad Mustaffa P Kunyalam pada hari kedua perbicaraan ke atas bekas Perdana Menteri itu yang didakwa atas empat pertuduhan menggunakan kedudukannya untuk memperoleh suapan berjumlah RM2.3 bilion dalam dana 1MDB dan 21 pertuduhan pengubahan wang haram membabitkan jumlah wang sama.

Rafidah yang juga saksi pendakwaan ketujuh, memberitahu mahkamah bahawa pertukaran nama syarikat itu dilakukan pada 25 September 2009.

Beliau berkata dokumen pertukaran nama itu ditandatangani oleh Najib atas kapasitinya sebagai Menteri Kewangan ketika itu.

Katanya, beliau sebelum itu menerima permohonan daripada pegawai Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Mohd Farid Ismail bagi mendapatkan maklumat TIA dan 1MDB.

Pada perbicaraan itu, Rafidah turut mengesahkan dokumen pelantikan pengarah TIA bertarikh

18 Mei 2009.

“Pada awal penubuhan TIA, pengarahnya terdiri daripada Tengku Rahimah Puteri binti Almarhum Sultan Mahmud Al Mukhtafi Billah Shah, Datuk Shahrol Azral Ibrahim Halmi dan Tan Sri Ismee Ismail.

“Pada 28 Ogos 2009, satu lagi borang pelantikan pengarah dihantar kepada SSM yang menyatakan penambahan beberapa lagi pengarah TIA iaitu Datuk Mohd Bakke Saleh, Tan Sri Lodin Wok Kamaruddin dan Tan Sri Azlan Zainol,” katanya.

Saksi itu berkata, beliau sekali lagi mendapat permohonan daripada SPRM bagi mendapatkan maklumat berhubung empat syarikat bagi siasatan membabitkan skandal 1MDB.

“Saya mendapat permohonan daripada pegawai SPRM, Shahrul Nizam Abdul Aziz pada 22 April lalu.

“Ia membabitkan Powertek Investment Holding Sdn Bhd, Powertek Energy Sdn Bhd, Merpati Energy (Langat) Sdn Bhd dan Mastika Lagenda Sdn Bhd,” katanya.

Rafidah kemudian mengesahkan 152 dokumen yang dirujuk



*Najib keluar dari Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur, semalam.*

[Foto Eizairi Shamsudin/BH]

pendakwaan membabitkan empat syarikat itu, yang kemudian ditandakan sebagai bukti.

Pada perbicaraan di sebelah petang, peguam Tan Sri Muhammad Shafee Abdullah yang mewakili Najib memohon supaya prosiding bicara berakhir awal pada jam 4.30 petang.

Ia berikutan Najib mengalami masalah sakit belakang.

“Apa yang lebih kritikal, anak guam saya terpaksa duduk di atas bangku kayu untuk tempoh yang lama.

“Sebaik saja mahkamah berhenti berehat, beliau terpaksa me-

regangkan badan supaya keadaannya tidak menjadi bertambah teruk,” katanya.

Bagaimanapun, Hakim Collin Lawrence Sequerah yang mendengar perbicaraan itu memaklumkan prosiding hanya akan berakhir pada jam 4.45 petang.

Muhammad Shafee kemudian memohon kepada mahkamah supaya prosiding akan datang berakhir pada jam 4.30 petang.

Sequerah bagaimanapun berkata, mahkamah hanya akan membenarkan perbicaraan berehat beberapa kali sekiranya diperlukan.